



Rohani menunjukkan Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga Pindaan 2017 di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di Putrajaya.



Surat Perintah Perlindungan Interim oleh mahkamah menghalang keganasan terhadap mangsa.

Kekang keganasan rumah tangga

Lima skop baru dalam RUU diharap jadikan institusi kekeluargaan lebih baik

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Lima skop baru pindaan Akta 521 dalam Rang Undang-Undang (RUU) Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017 akan dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bagi memberi perlindungan dan menjaga kebajikan mangsa.

Skop dicadangkan itu adalah meliputi perintah perlindungan kecemasan (EPO), perluasan tafsiran keganasan rumah tangga, penambahbaikan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO).

Menyentuh mengenai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata pindaan itu wajar dilakukan ber-

ikut statistik keganasan rumah tangga meningkat saban tahun. Katanya, mengikut laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), menunjukkan kes mangsa keganasan meningkat sebanyak 15,617 dari 2014 hingga 2016.

"Kes itu merangkumi semua aspek iaitu dari segi emosi, mental dan fizikal kerana ia memberi pelbagai kesan kepada mangsa.

"Pada masa sama, kami memberi latihan kepada kira-kira 1,600 pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menilai kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di setiap kawasan sebelum tindakan diambil serta-merta.

"Jika dahulu, mangsa perlu mendapatkan perintah perlindungan daripada mahkamah, kini permohonan perintah perlindungan kecemasan (EPO) boleh dibuat di JKJ," katanya pada sesi taklimat berkaitan pindaan Rang Undang-Undang berkenaan kepada pengamal media, kelmarin.

43 rumah perlindungan

RUU Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017 dijangka dibentangkan untuk bacaan kedua dan ketiga di Dewan Rakyat pada sesi Parlimen akan datang.

Rohani berkata, JKJ juga menyediakan 43 rumah perlindungan di seluruh negara untuk memberi

perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

"Ia adalah tempat terkawal. Kira-kira 50 orang ditempatkan di rumah perlindungan itu dan menjadi lokasi selamat pada mangsa," katanya.

Beliau berharap RUU ini akan diterima secepat suara supaya institusi kekeluargaan ini lebih baik selepas mengikuti pelbagai program pemulihan disediakan. Sementara itu, Penasihat Undang-Undang KPWK, Zahida Zakaria, berkata hak penghuni eksklusif dan program pemulihan juga antara isi kandungan utama dalam RUU berkenaan.

Katanya, kelima-lima skop baru yang akan dimasukkan dalam rang undang-undang itu mempunyai fungsi tersendiri yang dapat membantu mangsa, tidak kira wanita atau lelaki di dalam isi rumah yang berdepan keganasan untuk mendapatkan perlindungan.

Katanya, EPO adalah pindaan utama dalam RUU ini kerana ia dapat memberi perlindungan kecemasan dalam tempoh 24 jam dan berkuat kuasa tujuh hari.

"EPO dapat menghalang pelaku daripada mencederakan mangsa dan memastikan pelaku tidak dapat memasuki tempat selamat mangsa berkenaan.

"Namun, tidak semua mangsa



Kelima-lima skop baru yang akan dimasukkan dalam rang undang-undang itu mempunyai fungsi tersendiri yang dapat membantu mangsa, tidak kira wanita atau lelaki di dalam isi rumah yang berdepan keganasan untuk mendapatkan perlindungan"

Zahida Zakaria,
Penasihat Undang-Undang
KPWK

Info
Kes Keganasan
- **Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)** mencatatkan hampir satu dalam tiga wanita (33 peratus) seluruh dunia pernah mengalami keganasan fizikal dan seksual oleh pasangannya.
- **Perangkaan PDRM dari 2014 hingga 2016** 15,617 kes keganasan rumah tangga. **37 tempat selamat disediakan kerajaan** dan tujuh oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara.



Surat Perintah Perlindungan Interim oleh mahkamah menghalang keganasan terhadap mangsa.

mudah diberikan EPO kerana ia bergantung kepada kes dan penilaian oleh pegawai yang dilantik di kawasan masing-masing," katanya.

Pertuas tafsiran

Selain itu, tafsiran juga diperluaskan bukan saja membabitkan keganasan tetapi perlakuan mengelapkan harta mangsa, mengutip mangsa dan mengaik mangsa menerusi medium elektronik.

"Apabila perkara ini berlaku, mangsa juga boleh mendapatkan IPO atau PO," katanya.

RUU baharu ini juga memberi mangsa hak penghuni eksklusif dengan cara memerintahkan pelaku keluar daripada kediaman bersama itu.

"Biarpun, ada perintah untuk pelaku dan mangsa dasingkan dalam satu rumah, namun ia masih lagi memberi kesan kepada mangsa. Jadi seeloknya tempoh pengujian secara eksklusif harus diberikan kepada mangsa bagi mengelakkan tekanan dan sebagainya," katanya.

Pada masa sama, RUU berkenaan juga bukan sekadar mendapatkan perintah dan arahan berkenaan tetapi turut memperkenalkan program pemulihan untuk memastikan keadaan dapat dipulihkan.